

PM: Kekalkan budaya kampung

ILM 23 JUL 1993

TAPAH 22 Julai — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menngajak Eakyat mengekalkan budaya kampung yang bernilai tinggi dan penuh sopan santun di samping berdaya maju dalam mengejar kemajuan canggih menjelang tahun 2020.

Katanya, kerajaan akan terus mempertahankan budaya kampung yang baik sebagai teras pembinaan bangsa Malaysia menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, penghijrahan penduduk dari kampung ke bandar-bandar dijangka akan meningkat kepada 95 peratus menjelang tahun 2020 yang mana ketika itu jumlah penduduk di desa dan kawasan pedalaman hanya akan tinggal lima peratus sahaja.

Berucap merasmikan Program Kampungku Peringkat Negeri Perak di Kampung Batu 3, di sini pagi ini, beliau berkata, Malaysia juga berhasrat untuk menjadi negara serba maju menjelang tahun 2020.

Perhimpunan itu dihadiri oleh 20,000 orang.

Perdana Menteri berkata, penghijrahan penduduk kampung ke bandar-bandar tidak dapat dielakkan terutama bagi kalangan anak-anak remaja yang mempunyai kelulusan mereka sudah pasti akan berhijrah bekerja di bandar.

Mereka yang gagal dalam pelajaran juga tidak akan bekerja sebagai penoreh getah atau bersawah padi sebaliknya mereka akan bekerja di sektor

industri di bandar-bandar besar.

Beliau percaya semakin lama akan bertambah ramai penduduk kampung berhijrah ke bandar dan suasana kampung akan menjadi semakin sunyi dan lengang.

Perdana Menteri memberitahu, perubahan yang bakal dialami oleh Malaysia sama seperti yang dialami oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat yang mana 95 peratus rakyatnya tinggal di bandar dan hanya lima peratus sahaja yang tinggal di desa terpencil.

Beliau menegur sikap masyarakat bandar yang angkuh, sombong dan tidak mahu mengambil tahu masyarakat sekeliling sekalipun mereka tinggal di sebelah rumah, menyebabkan mereka sanggup membelakangkan nilai-nilai murni semata-mata kerana mereka mendakwa itu satu kemajuan.

Perdana Menteri memberitahu, sekarang ini institusi perkahwinan sudah hilang di negara maju, sistem kekeluargaan sudah hancur dan tidak wujud lagi semangat kejiranan sebaliknya mereka hidup dalam keadaan berpuak-puak.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan gejala kurang sihat ini akan wujud dalam masyarakat Malaysia sekiranya rakyat negara ini sudah tidak bermoral dan tidak mempunyai nilai-nilai hidup yang sempurna menjelang tahun 2020.